



**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**


13 MAC 2022

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 845 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 359,863 kes. Satu (1) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu di daerah Kota Belud. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam ini. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 2,053 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 329,557 orang. Manakala 962 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 697 orang di hospital, 249 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, 13 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / penjara dan tiga (3) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 52 orang merangkumi 46 di ICU/repurposed kritikal care serta enam (6) di *open ward* (*HDW/kubikel akut*) dan 21 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3

Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada Perubahan zon dicatatkan.

4

Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 27 daerah.

5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah.

i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Jumlah kes harian bagi Sabah hari ini ialah 845 kes, naik 49 kes berbanding jumlah semalam. Pertambahan ini berpunca daripada jumlah jangkitan baharu yang meningkat di Kota Kinabalu, Penampang dan Tuaran.
- b. Kota Kinabalu mencatat 227 kes hari ini, tambahan 50 kes daripada catatan semalam dan Penampang pula kembali kepada tiga (3) angka dengan 105 kes, naik 44 kes berbanding jumlah kelmarin. Kota Kinabalu dan Penampang merupakan dua (2) daerah yang mencatat kes baharu tiga (3) angka. Papar yg mencatat 102 kes kelmarin merekodkan hanya 82 kes baharu hari ini.
- c. Tuaran yang mencatat 57 kes kelmarin menambah 24 kes hari ini kepada 81 kes. Ini berpunca daripada satu (1) kluster baharu yang diisyiharkan hari ini. Kluster Kumpulan Berisiko melibatkan pusat penjagaan kebajikan Hope Village di Jalan Tambalang, Tuaran. Kes indeks ialah seorang pelajar perempuan warganegara berumur 20 tahun yang sedang menjalankan sesi praktikal di sana dan tinggal di kuarters pekerja. Beliau dikesan positif melalui saringan bergejala pada 5.3.2022. Saringan keatas kontak-kontak rapat telah mendapati 59 orang lagi telah dijangkiti menjadikan jumlah kumulatif 60 pesakit setakat hari ini. Siasatan lanjut masih berjalan dan mereka yang positif telah pun diasingkan dan diberi rawatan yang sewajar. Untuk rekod, Kluster Institusi Pendidikan Jalan Getah di daerah Kunak ditamatkan hari ini.
- d. Telupid merupakan satu-satunya daerah di Sabah yang tidak mencatat sebarang kes baharu hari ini. Tujuh (7) daerah pula masing-masing mencatatkan kes di bawah paras 10 kes, dan daerah-daerah lain mencatatkan kes dua (2) angka kecuali Kota Kinabalu dan Penampang yang mencatat kes tiga(3) angka. Walaupun jumlah jangkitan harian semakin stabil tetapi peratusan jangkitan sporadik masih tinggi, hampir 61% daripada kes keseluruhan hari ini. Risiko dan ancaman penularan virus dengan cepat dan meluas tetap ada. Semua lapisan masyarakat perlu mematuhi semua SOP setiap masa.

- e. Seramai 831 atau 98.35% daripada 845 pesakit baharu hari ini adalah dalam Kategori 1 dan 2, lima (5) orang dalam Kategori 3, lapan (8) orang dalam Kategori 4 dan seorang (1) dalam Kategori 5.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

- a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	40	0.00%
2	Kontak	207	24.50%
3	Bergejala	514	60.83%
4	Bersasar	0	0%
5	Lain-lain Saringan	84	9.94%
JUMLAH		845	100%

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (12 Mac 2022) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 12/03/2022	Catatan Kes 13/03/2022	Perbandingan
1	Kota Kinabalu	177	227	+50
2	Penampang	61	105	+44
3	Tuaran	57	81	+24
4	Tenom	9	24	+15
5	Keningau	26	37	+11
6	Ranau	12	21	+9
7	Kunak	2	7	+5
8	Kinabatangan	8	10	+2
3	Tawau	38	39	+1
10	Semporna	1	2	+1
11	Kalabakan	5	5	Mendatar
12	Beaufort	45	20	-25
13	Papar	102	82	-20
14	Kuala Penyu	26	12	-14
15	Kudat	19	10	-9
16	Putatan	27	21	-6
17	Tambunan	28	23	-5
18	Kota Marudu	24	19	-5
19	Sipitang	23	18	-5
20	Lahad Datu	19	14	-5
21	Telupid	5	0	-5
22	Beluran	6	2	-4
23	Nabawan	8	5	-3
24	Sandakan	39	37	-2
25	Pitas	7	5	-2
26	Tongod	3	1	-2
27	Kota Belud	19	18	-1
JUMLAH		796	845	+49

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	49	161	0	17	227	6,926
Penampang	0	40	64	0	1	105	1,940
Papar	0	24	50	0	8	82	1,592
Tuaran	40	19	16	0	6	81	1,686
Tawau	0	7	27	0	5	39	888
Keningau	0	7	27	0	3	37	1,029
Sandakan	0	1	34	0	2	37	721
Tenom	0	5	18	0	1	24	602
Tambunan	0	8	15	0	0	23	409
Ranau	0	3	6	0	12	21	395
Putatan	0	9	10	0	2	21	727
Beaufort	0	5	11	0	4	20	927
Kota Marudu	0	6	8	0	5	19	550
Kota Belud	0	1	10	0	7	18	852
Sipitang	0	6	12	0	0	18	501
Lahad Datu	0	1	13	0	0	14	410
Kuala Penyu	0	7	3	0	2	12	452
Kudat	0	1	8	0	1	10	287
Kinabatangan	0	3	4	0	3	10	172
Kunak	0	1	5	0	1	7	76
Pitas	0	3	1	0	1	5	245
Nabawan	0	1	3	0	1	5	176
Kalabakan	0	0	5	0	0	5	78
Beluran	0	0	1	0	1	2	197
Semporna	0	0	1	0	1	2	57
Tongod	0	0	1	0	0	1	140
Telupid	0	0	0	0	0	0	183
JUMLAH	40	207	514	0	84	845	22,218

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Tuaran	Kluster Jalan Tambalang	40
	Jumlah	40

6 Terdapat satu (1) **kluster baharu** direkodkan hari ini.

Kluster Jalan Tambalang - Tuaran mula dikesan pada 05 Mac 2022 melalui saringan wanita tempatan, 20, iaitu pelajar yang sedang menjalankan sesi praktikal di HOPE Village dan tinggal di kuarters pekerja. Kluster jenis kumpulan berisiko ini melibatkan penghuni, pekerja dan keluarga pekerja di HOPE Village. Pada hari ini, terdapat 40 kes baharu dicatatkan menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 60 kes positif COVID-19 hasil saringan terhadap 88 kontak rapat kepada kes indeks. Aktiviti siasatan dan kawalan masih dijalankan di Hope Village. Semua kes telah diasingkan dan diberikan rawatan yang sesuai

7 Jumlah kapasiti katil 3,782 unit

- Hospital 1,659 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 1,893 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 212 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 25.37%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 13 MAC 2022

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	844
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	0
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	0
Orang Dalam Tahanan /Banduan	1
Jumlah	845

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	825
Bukan Malaysia	20
Jumlah	845

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 5)	42
Belum Menerima Vaksin (5-11)	30
Belum Menerima Vaksin (>11 Tahun)	34
Menerima 1 Dos	15
Lengkap 2 Dos	348
Lengkap 2 Dos + Dos Penggalak	376
Jumlah	845

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	7
1-4	35
5 -11	45
12-17	35
18-29	222
30-39	204
40-49	130
50-59	67
60-69	45
70-79	29
80-89	22
>90	4
Jumlah	845

C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 12 Mac 2022 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 8,217 orang. Daripada jumlah ini, seramai 5,849 orang adalah penduduk dewasa, 153 orang adalah penduduk remaja dan 2,215 orang adalah penduduk kanak-kanak.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 12 Mac 2022 adalah seramai 2,539,835 orang. Ini meliputi 2,129,888 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 78.40% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,403,645 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,087,740 orang atau 76.85% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 331,911 orang atau 77.88% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 315,905 atau 74.12% orang setakat ini.
- 4 Bagi penduduk kanak-kanak pula, seramai 78,036 atau 18.97% orang telah menerima 1 dos vaksin.

D BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Setakat hari ini, sejumlah **684,524** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM INFO ON WHEELS

- 1 Sebanyak lima (5) kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan oleh PDRM seluruh Sabah.
 - Lima (5) Orang : Individu Gagal Memakai Pelitup Muka.

- 2 Penguatkuasaan SOP dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 174 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 46 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat.
- 3 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
- i Sebanyak 908 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Tiada kompaun atau notis dikeluarkan pada hari ini.
 - ii DBKK telah menjalankan Operasi Pematuhan SOP ke atas 549 premis perniagaan dan 995 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun melanggar SOP Covid-19 dikeluarkan oleh DBKK.
- 4 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 87 Premis Perniagaan melibatkan 34 anggota APM.
- 5 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 129 anggota.
- 6 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di dua (2) premis, melibatkan dua (2) buah BBP pada hari ini.
- 7 Sejumlah 271 hebahan awam di bawah program Info On Wheels Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di sembilan (9) daerah pada hari ini.
- 8 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 303 hebahan di seluruh Sabah.

F

KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **98.2%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Kunak	98.5%
2	Beluran	98.5%
3	Kudat	98.5%
4	Keningau	98.4%
5	Kinabatangan	98.4%
6	Sipitang	98.4%
7	Kota Marudu	98.3%
8	Tenom	98.3%
9	Semporna	98.3%
10	Kota Kinabalu	98.3%
11	Kota Belud	98.2%
12	Beaufort	98.2%
13	Tawau	98.2%
14	Sandakan	98.1%
15	Penampang	98.1%
16	Ranau	98.1%
17	Tuaran	98.1%
18	Papar	98%
19	Lahad Datu	98%

- 2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#SabahMajuJaya

#KeluargaMalaysia

#LindungDiriLindungSemua

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II**